

**SULIT**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA,  
PARLIMEN KETIGA BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' HAJI MOHD ZAIM BIN ABU  
HASSAN  
[PARIT – BN]**

**TARIKH : 22 NOVEMBER 2017 ( RABU )**

**SOALAN NO.19**

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah kejayaan-kejayaan yang telah diperoleh oleh negara kita dalam sukan SEA 2017 baru-baru ini akan dapat dipertahankan dalam sukan-sukan serantau pada masa hadapan bagi mengelakkan istilah jaguhan kampung.

**SULIT**

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kuala Lumpur 2017 (KL 2017) yang berlangsung pada 19 hingga 30 Ogos 2017 telah menyaksikan Kontinen Negara muncul sebagai Juara Keseluruhan Temasya Sukan SEA kali ke-29 menewaskan pencabar terdekat iaitu Negara Thailand dengan jurang pingat sebanyak 73 pingat emas. Negara Vietnam juga ketinggalan agak jauh di belakang Kontinen Negara apabila hanya memunggut 58 pingat emas.
2. Kontinen Negara telah memenangi **145 pingat emas, 92 pingat perak dan 86 pingat gangsa** sekaligus melepassi sasaran awal yang ditetapkan iaitu 111 pingat emas. Ini juga merupakan pencapaian terbaik Kontinen Negara sepanjang penyertaan di Temasya Sukan SEA sejak tahun 2001 lagi.
3. Kejayaan Kontinen Negara pada Temasya Sukan SEA ini akan menjadi pembakar semangat untuk atlet-atlet Negara kita mempamerkan aksi yang lebih memberangsangkan dalam sukan-sukan serantau pada masa hadapan.
4. Di samping itu, kejayaan yang dicapai di Temasya Sukan SEA KL 2017 mampu dicapai sekiranya pengajur temasya yang akan datang mempertandingkan acara-acara sukan yang memberi kelebihan

**SULIT**

kepada Malaysia khususnya acara-acara sukan yang turut dipertandingkan dalam sukan Olimpik.

5. Justeru itu, bagi memastikan kecemerlangan yang berterusan, semua pemenang pingat di Temasya Sukan SEA 2017 telahpun memulakan latihan seawal bulan Oktober untuk memastikan momentum kecemerlangan dan prestasi atlet dapat diteruskan.
6. Selain itu, program latihan berteraskan prestasi serta mengikut fasa latihan akan dilaksanakan. Atlet-atlet terbaik negara akan dipilih mengikut kriteria yang ditetapkan dan mereka akan diberikan peluang latihan di luar negara yang boleh membantu meningkatkan prestasi atlet.

Sekian, terima kasih.